

Ucapan Y.B. Menteri Pelajaran di-Upachara
Merasmikan Pesta Musik Sekolah2 di-Sekolah
Rendah St. John's, Kuala Lumpur pada 4.4.71
jam 7.30 malam

Yang mulia Puan Pengerusi muzik, Yang Berhormat Tan Sri2 & Puan Sri2
serta Tuan2 dan Puan2 juga para hadhirin yang di-hormati sakalian.

Saya dan isteri saya mengucapkan sa-tinggi2 terima kaseh
kapada Puan Pengerusi dan Badan Pengelola kerana menjemput kami untok
menyaksikan Pesta Muzik Sekolah2 Yang Ketiga ini. Saya telah di-
fahamkan ia-itu bilangan sekolah2 menengah yang telah mengambil
bahagian dalam pertandingan di-perengkat negeri ia-lah sa-banyak 84
buah. Pemenang2 ini ada-lah johan2 negeri yang akan mempersembahkan
choir-nya pada malam ini. Saya dapati choir2 dalam pertandingan
dahulu telah menchapai taraf yang tinggi, dan saya harap pertandingan
pada tahun ini akan menunjukkan kejayaan-nya yang lebeh bermutu.

Saya suka menarek perhatian tuan2 dan puan2 sakalian, supaya
dapat menghargai pertandingan2 yang serupa ini di-masa2 yang akan
datang. Pada masa ini apabila kita telah menguasai ilmu sains, ilmu
hisab dan teknologi, ia-itu sa-bagai nyawa negara, maka mata pelajaran
muzik dan nyanyian juga di-rasai sangat-lah perlu. Sa-tiap murid yang
belajar ilmu hisab atau bahasa boleh mengambil masa untok berfikir
sa-belum menghadapi sa-suatu masalah, tetapi dalam nyanyian murid2
terpaksa berfikir terlebih dahulu supaya dapat mengikut apa yang di-
kehendaki dalam muzik atau lagu2 itu. Mereka di-didek supaya dapat
berfikir dengan waras, mengambil keputusan dengan yakin dan dapat
melaksanakan dengan sempurna. Berma'ana mereka ini menjadi sa-orang
yang berguna, kerana mempunyai pelajaran dan pengalaman dalam muzik.

Choir2 yang di-dengar pada malam ini telah mengkaji dengan
teliti-nya dan telah berlatch dengan bersungguh2. Sa-waktu berlatch
choir, murid2 boleh berfikir dengan lanjut, berperangai sopan santun
dan tata tertib serta faham tanggung jawab dan kerjasama yang tidak
mengira diri sendiri. Mereka mempelajari menyatukan kebolehan dan
kekuatan-nya kapada satu tujuan, dan di-sini mata pelajaran muzik
boleh di-kira sebagai sa-bahagian seni dan sains. Muzik ada-lah
membekalkan zat kekuatan untok mempengaruhi jiwa dan juga peratoran2
yang tertentu. Sa-saorang guru itu mesti berusaha sa-berapa daya-
nya supaya dapat membena dan menghidupkan semangat murid2 dengan sa-
penoh2-nya.

Muzik ada-lah sa-bagai satu mata pelajaran di-sekolah2 yang akan menerangi kehidupan untuk mengisi masa kelapangan-nya dengan sa-suatu yang berguna, dan dengan chara ini dapat menghilangkan kerunsingan di-sa-suatu masa. Muzik dan nyanyian boleh juga di-katakan penting untuk masharakat. Lagu2 yang di-pelajari di-sekolah2 boleh di-nyanyikan di-rumah2 dan di-mana2 sahaja. Dengan kerana ini, masharakat boleh menambahkan kemajuan-nya. Murid2 hari ini akan menjadi dewasa pada masa akan datang. Jika mereka di-beri peluang untuk mengeluarkan perasaan yang ada pada diri-nya, tentu-lah mereka akan memberikan rasa kemesraan di-dalam keluarga-nya.


Semenjak zaman dahulu lagi muzik mempunyai tempat yang tertinggi dalam sa-suatu majlis keramaian. Saya rasa muzik di-sekolah2 banyak mengambil peranan yang mustahak umpama-nya dalam Perhimpunan2, Hari Ibu Bapa, Hari Kebangsaan, dan peristiwa2 lain. Walau pun peranan muzik yang istimewa ini telah di-kenali dengan luas-nya, tetapi ada juga di-antara-nya yang tidak faham mengenai nilai muzik dalam pelajaran.

Saya suka jikalau semua sekolah2, sama ada bahagian menengah atau bahagian rendah, akan dapat menimbangkan nilai muzik dalam pelajaran dan memberi peluang kepada murid2 mempelajari muzik dan nyanyian dan juga mendengar beberapa jenis muzik yang baik dari negeri2 barat dan timor.

Saya akhiri dengan mengucapkan tahniah kepada pemenang2 dari negeri masing2 dan di-harap choir2 akan mendapat taraf yang lebeh tinggi dari sa-masa ka-semasa. Saya suami isteri dan para hadhirin juga akan dapat menekmati persembahan2 yang di-tunjokkan pada malam ini.

Dengan sukachita-nya saya meresmikan pembukaan Pesta Muzik Sekolah2 bagi kali yang ketiga ini.

SELAMAT MENUNTUN.





No. Siri	19
No. Penerimaan	19/80